

## 1. Skop Pemakaian

Terpakai bagi latihan Orang Yang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga/ *Authorised Entrant And Standby Person (AESP)* dan Orang Yang Dibenarkan Masuk dan Orang Menjaga – Latihan Semula/ *Authorised Entrant And Standby Person - Refresher (AESP-R)* yang dianjurkan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

## 2. Objektif

Peperiksaan ini diadakan untuk menguji tahap pemahaman dan keupayaan calon untuk bekerja di dalam ruang terkurung.

## 3. Syarat Kemasukan

### 3.1 Authorised Entrant And Standby Person (AESP)

- Telah menghadiri kursus AESP yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKKP.
- Boleh berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris **ATAU** boleh menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Sekiranya calon tidak memenuhi syarat 4.1 (b), penyedia latihan perlu menyediakan penterjemah yang berkelayakan.

### 3.2 Authorised Entrant And Standby Person - Refresher (AESP-R)

- Telah LULUS kursus AESP yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKKP.
- Telah menghadiri kursus AESP-R yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKKP.
- Boleh berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris **ATAU** boleh menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

d) Sekiranya calon tidak memenuhi syarat 4.2 (c), penyedia latihan perlu menyediakan penterjemah yang berkelayakan.

#### 4. Format Peperiksaan

##### 4.1 Authorised Entrant And Standby Person (AESP)

Peperiksaan ini merangkumi 1 kertas sahaja.

Maklumat mengenai komposisi peperiksaan adalah seperti berikut:-

Kertas	Jenis Soalan	Skema Pemarkahan		Masa	Yuran Peperiksaan
		Pemberat	Markah Lulus		
Kertas 1	Lisan dan Praktikal	100 %	70%	40 Minit	RM280 (Min Pax: 10)

#### 4.2 Authorised Entrant And Standby Person - Refresher (AESP-R)

Peperiksaan ini merangkumi 1 kertas sahaja.

Maklumat mengenai komposisi peperiksaan adalah seperti berikut:-

Kertas	Jenis Soalan	Skema Pemarkahan		Masa	Yuran Peperiksaan
		Pemberat	Markah Lulus		
Kertas 1	Ujian Lisan	100 %	60%	10 minit	RM230 (Min Pax: 20)

#### 5. Bahasa


Kesemua soalan adalah di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Calon yang tidak boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dibenarkan untuk menggunakan penterjemah. Penterjemah perlulah wakil yang telus dan berintegriti.

#### 6. Peperiksaan Ulangan

Calon yang GAGAL perlu mengulang pada hari yang sama dengan satu kali percubaan. Sekiranya calon masih gagal, calon dikehendaki menduduki semula peperiksaan pada sesi yang berbeza.

#### 7. Kad Perakuan Latihan

Slip Perakuan Latihan Sementara akan diberikan kepada calon yang LULUS pada hari penilaian dan sah digunapakai dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian. Selepas tempoh tersebut, Kad Perakuan Latihan akan diberikan kepada calon yang LULUS dalam peperiksaan ini.

	NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIOSH) Syarat dan Format Peperiksaan Untuk Authorised Entrant And Standby Person (AESP) / Authorised Entrant And Standby Person – Refresher (AESP-R)		Candidate Copy Ref : Ver.1
Document No 06/AESP-AESPR/EWU/Ver. 1	Date 19.05.2016	Page 4/4	

## 8. Pembaharuan Kad Perakuan Latihan

Pembaharuan Kad Perakuan Latihan perlu dibuat setiap 2 tahun.

Calon dikehendaki menghadiri kursus AESP-R dan LULUS penilaiannya yang dikendalikan oleh NIOSH atau semua penyedia latihan yang diluluskan oleh JKKP bagi memperbaharui kad perakuan latihan ini.

Tempoh masa bagi pembaharuan Kad Perakuan Latihan adalah tidak boleh melebihi 2 tahun dari tarikh luput kad terdahulu.

Sekiranya calon GAGAL memperbaharui Kad Perakuan Latihan dalam tempoh masa tersebut, calon adalah dikehendaki untuk mengikuti kursus dan penilaian AESP semula.

Disediakan Oleh:  
 Bahagian Peperiksaan Dan Persijilan  
 NIOSH